

Pemahaman dan Pemikiran Kritis (Bab 1 halaman 18)

1. B - Kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan.
2. C - Mewujudkan keberkesanan sistem pentadbiran.

3. (a) Bagaimanakah kedua-dua ciri mampu membentuk negara yang berdaulat?

Malaysia menjadi sebuah negara bangsa yang bebas dan berdaulat dengan mempunyai sistem pemerintahannya sendiri. Sebagai negara berdaulat, Malaysia mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pemerintahan Raja Berperlembagaan. Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara. Yang di-Pertuan Agong merupakan simbol perpaduan rakyat dan lambang kedaulatan negara Malaysia.

Sistem Demokrasi Berparlimen mengukuhkan lagi kedudukan negara kita sebagai sebuah negara yang berdaulat. Malaysia berhak menentukan hala tuju masa depannya sendiri berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dan Prinsip Rukun Negara. Sistem pemerintahan dan pentadbiran dilakukan melalui pembahagian kuasa kepada tiga bahagian di dalam pemerintahan iaitu Perundangan, Kehakiman dan Eksekutif. Ketiga-tiga bahagian ini berfungsi tanpa campur tangan pihak luar. Ini membuktikan bahawa sistem Demokrasi Berparlimen mengukuhkan kedaulatan negara kita.

Sistem Demokrasi Berparlimen juga menyebabkan negara mempunyai sistem perundangannya sendiri. Undang-undang Malaysia digubal oleh Parlimen Malaysia. Parlimen bertanggungjawab menentukan sistem perundangan negara kita yang dikenali sebagai Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Kemampuan Malaysia menggubal undang-undang sendiri membuktikan kebebasan negara kita untuk mengekalkan kedaulatannya dalam sistem perundangan.

Lantaran itu, kerjasama rakyat amat diperlukan dalam memberikan sokongan, berganding bahu dan bekerjasama bagi menjamin kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat berlandaskan prinsip Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Ianya bukan sahaja untuk masyarakat pada masa kini, tetapi yang lebih utama demi kesejahteraan dan keamanan generasi akan datang.

[mana-mana jawapan munasabah]

(b) Andaikan anda seorang pemimpin kerajaan, cadangkan langkah untuk memantapkan pemerintahan dan pentadbiran negara.

Sebagai seorang pemimpin, saya akan memantapkan sistem pemerintahan dan pentadbiran negara dengan mewujudkan kepemimpinan yang berintegriti dan amanah. Langkah paling berkesan ialah memantap dan melaksanakan Pelan Integriti Nasional (PIN) dengan lebih berkesan dalam semua kementerian dan agensi kerajaan. Langkah ini dapat mewujudkan sistem pentadbiran yang amanah dan bertanggungjawab untuk negara.

Selain itu, saya juga akan melaksanakan budaya kerja cemerlang dalam kalangan kaki tangan awam. Tujuannya ialah kerajaan dapat memberikan perkhidmatan yang cekap untuk keperluan rakyat. Kaki tangan awam yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang diberi anugerah dalam perkhidmatan sebagai menghargai peranan mereka. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ditambahbaik untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam negara.

Di samping itu, saya juga akan membanteras amalan rasuah dalam pentadbiran kerajaan. Amalan rasuah akan melahirkan kaki tangan awam yang mempunyai moral dan prestasi kerja yang rendah. Bagi mencapai hasrat ini, saya akan memperkasa peranan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Fungsi SPRM diperkasakan melalui perluasan bidang kuasa untuk menerima dan menimbangkan apa-apa aduan tentang pelakuan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 dan menyiasat mana-mana aduan itu sebagaimana yang difikirkan praktik oleh Ketua Pesuruhjaya.

Sebagai pemimpin, saya juga akan menerapkan amalan nilai-nilai murni dalam pentadbiran dan perkhidmatan awam kerajaan. Contohnya, saya akan meneruskan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran. Penerapan nilai-nilai murni akan dapat menghapuskan sikap yang negatif dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan dan menghasilkan perkhidmatan yang bermutu. Juga dapat membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang bermaruah, beridentiti kukuh dan disegani oleh masyarakat lain.

Saya juga mengambil berat tentang setiap aduan daripada rakyat terhadap perkhidmatan kerajaan. Saya akan memastikan Piagam Pelanggan setiap bahagian jentera pentadbiran kerajaan dimantapkan. Seterusnya, saya akan memantapkan lagi peranan Biro Pengaduan Awam dan perluaskan lagi fungsinya. Tindakan ini dapat meningkatkan keberkesanan pentadbiran kerajaan dan dapat memberi perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat Malaysia.

[mana-mana jawapan munasabah]

4. (a) **Mengapakah hubungan baik dengan negara jiran perlu dipertahankan?**

Hubungan baik dengan negara jiran perlu dipertahankan untuk mengekalkan kedaulatan serta menjamin keselamatan negara daripada serangan musuh. Hal ini lebih diutamakan bagi sesebuah negara yang kecil seperti Malaysia. Kita perlu bekerjasama dengan negara lain untuk mempertahankan kepentingan bersama negara kita.

Selain itu, hubungan dengan negara jiran perlu dipertahankan untuk menjamin keselamatan rakyat, memelihara kepentingan nasional, menggalakkan pembangunan dan kemajuan ekonomi. Hubungan baik juga penting untuk negara kita memainkan peranan dalam mengekalkan keamanan sejagat melalui kerjasama dengan negara jiran

Keperluan asas negara yang berikutnya ialah mencari sumber pendapatan. Berdasarkan hal ini, sesebuah negara perlulah menjamin kepentingan ekonomi perdagangan yang menjadi punca pendapatannya.

Malaysia berada di kedudukan strategik di tengah-tengah rantau Asia Tenggara. Malaysia juga terletak di laluan perkapalan utama dunia iaitu Selat Melaka dan Laut China Selatan yang sering menjadi perhatian kuasa-kuasa besar yang berkepentingan. Kedudukan geografi ini mempengaruhi hubungan dua hala dan pelbagai hala Malaysia dengan negara jiran dalam aspek kepentingan politik, sosio-ekonomi, keselamatan, budaya, pertahanan dan sebagainya.

Hubungan baik dengan negara jiran diperkukuhkan melalui Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN). Malaysia menyokong penuh dan berpegang teguh kepada prinsip-prinsip asas yang terkandung dalam Piagam ASEAN seperti menentang penggunaan kekerasan, tidak campurtangan dalam politik dalaman negara anggota serta mengutamakan penyelesaian pertikaian secara aman sebagai kunci utama dalam mengekalkan keamanan,

kestabilan dan kemakmuran di rantau ini. Komitmen ini bertujuan untuk memelihara kepentingan strategik negara.

[mana-mana jawapan munasabah]

(b) **Setiap warganegara Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk mempertahankan kedaulatan perairan negara. Bincangkan.**

Tanggungjawab mempertahankan negara bukan sahaja digalas sepenuhnya oleh pasukan keselamatan bahkan masyarakat awam dan semua peringkat rakyat Malaysia adalah bersama-sama bertanggungjawab dalam aspek keselamatan negara.

Semangat patriotik dalam kalangan rakyat menjadi penggerak untuk mempertahankan negara. Rakyat perlu ada semangat tidak rela dijajah lagi untuk mempertahankan negara. Rakyat Malaysia harus berbangga kerana dapat menetap di negara ini. Mereka perlu bersatu padu dalam hidup dalam keadaan harmoni. Perpaduan amat penting untuk mengekalkan kedaulatan negara.

Warganegara Malaysia bertanggungjawab untuk mempertahankan kedaulatan perairan negara yang sering diceroboh melalui kegiatan penyeludupan, penyusupan masuk pendatang tanpa izin (PATI), pemerdagangan manusia dan dadah, masalah sempadan negara dan tuntutan wilayah Malaysia oleh negara jiran.

Tuntutan Filipina ke atas Sabah umpamanya, tidak seharusnya dibiarkan. Sekali kita merdeka, harus terus merdeka dan rakyat perlu sama-sama bersatu hati mempertahankan kemerdekaan Sabah dalam Malaysia. Keselamatan dan kedaulatan negara bukan sahaja tanggungjawab polis dan tentera, tetapi juga seluruh rakyat negara ini. Kita tidak boleh biarkan walau seinci pun negara ini daripada diceroboh dan ditakluki pihak luar.

Warganegara Malaysia boleh memainkan peranan untuk mempertahankan kedaulatan negara dengan memberi maklumat dan informasi berkaitan pencerobohan sempadan negara kepada pihak kerajaan dan pasukan keselamatan. Tindakan ini akan memudahkan pihak kerajaan mengawal sempadan perairan negara.

Di samping itu, warganegara Malaysia juga perlu mengelakkan diri bekerjasama dengan pihak luar yang boleh mengancam keselamatan negara. Warganegara juga boleh menunjukkan taat setia dan sikap bertanggungjawab dengan menganggotai pasukan keselamatan dan pasukan sukarelawan untuk mempertahankan sempadan negara.

[mana-mana jawapan munasabah]

Pemahaman dan Pemikiran Kritis (Bab 2 Halaman 34)

1. D. Majlis Undangan
2. A. bahasa Melayu

3. Usaha daripada kerajaan – jawapan terbuka contoh
 - a. Melalui pendidikan.
 - b. Mengadakan dasar-dasar yang positif.
 - c. Mengadakan kempen-kempen mengajak rakyat menghormati perlembagaan.
 - d. Meluaskan kajian dan penerbitan serta kegiatan propaganda.

4. Perlembagaan penting menjamin kedaulatan negara kita kerana ia merupakan peraturan tertinggi dan panduan dalam sistem pemerintahan negara.

5. Maksud Perlembagaan
Undang-undang tertinggi sebagai teras pemerintahan sesebuah negara.

6. Soalan 1. Ciri-ciri tradisional Perlembagaan
 1. Kesultanan atau pemerintahan beraja
 2. Agama Islam
 3. Bahasa Melayu
 4. Kedudukan orang Melayu dan bumiputera

Soalan 2. Peranan pemerintahan beraja. (Jawapan terbuka)

1. Lambang perpaduan
2. Puncak kuasa tertinggi dalam negara
3. Lambang kedaulatan negara
4. Peneraju usaha murni negara

Soalan 3 Peranan rakyat mempertahankan pemerintahan beraja – Jawapan terbuka

1. Memberikan ketaatsetiaan
 2. Menghormati Perlembagaan dan undang-undang negara
 3. Mematuhi dan menghormati nasihat raja-raja
-
7. Soalan 1 Peranan DBP - boleh rujuk laman web Dewan Bahasa dan Pustaka.
-
8. Soalan 2 Peranan rakyat menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan
 1. Semua kaum perlu menggunakan dan menghormati peranan bahasa Melayu.
 2. Mempertahankan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.
 3. Menyantuni bahasa Melayu.

Soalan 1

(a) Raja Berperlembagaan bermaksud sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Terdapat tiga Institusi Beraja yang disebut dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu Yang di-Pertuan Agong pada peringkat Persekutuan, Institusi Beraja di negeri dan Majlis Raja-Raja.

(b) Ahli-ahli Yang Berhormat ialah ahli-ahli Parlimen merangku Ahli Dewan Rakyat yang dipilih melalui pilihan raya dan Ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

(c) Ahli-ahli Yang Berhormat berperanan dalam pemerintahan di negara kita melalui Badan Perundangan dan Badan Eksekutif.

Melalui badan Perundangan, Yang Berhormat sebagai ahli Dewan Negara dan Dewan Negara berpeeraan menggubal undang-undang untuk kesejahteraan rakyat.

Selain itu melalui badan Eksekutif, sebahagian Ahli Dewan Rakyat juga ada yang dilantik sebagai anggota Jemaah Menteri yang berperanan menentukan dasar-dasar kerajaan dan melaksanakan agenda pembangunan negara.

(Mana-mana jawapan munasabah).

(d) Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen perlu dipertahankan kerana gabungan sistem tradisi dan moden iaitu pemerintahan beraja dan unsur demokrasi berjaya membentuk pentadbiran yang sistematik dan unggul.

Kombinasi Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen merupakan kaedah terbaik untuk mengimbangi amalan demokrasi dalam persekitaran sosiopolitik di negara kita yang mempunyai kepelbagaian bangsa, agama dan budaya dalam masyarakat di negara kita.

Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen juga berjaya mewujudkan kestabilan sekali gus membawa kemajuan dalam pelbagai bidang untuk bangsa dan negara Malaysia sejak merdeka hingga ke hari ini.

Sebagai rakyat Malaysia yang cintakan negara, kita sewajarkan menyedari kepentingan taat setia kepada pemerintah supaya Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen kekal utuh sebagai teras pemerintahan Malaysia untuk kemakmuran bangsa dan negara.

(Mana-mana jawapan munasabah)

Soalan 2

(a) Had umur mengundi dirurunkan kepada 18 tahun melalui pindaan Perlembagaan pada tahun 2019.

(b) Rasional umur kelayakan mengundi diturunkan daripada 21 tahun kepada 18 tahun adalah untuk memberikan peluang kepada seseorang individu untuk memilih wakil rakyat yang akan mewakili kepentingan mereka.

- (c) Penurunan had umur mengundi ini juga akan meningkatkan penyertaan belia sebagai warga bertanggungjawab dalam menyumbang kepada demokrasi dan pembangunan negara. Selain itu, penurunan had umur ini dapat membantu belia mempertingkatkan literasi demokrasi dan kematangan melalui pendedahan kepada pengurusan tadbir urus negara.

(Mana-mana jawapan munasabah).

Penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun dapat menyumbang kepada kesejahteraan demokrasi negara kerana penglibatan belia akan mewujudkan ruang kepelbagaian idea kerana golongan ini mampu memberikan idea dan melihat sesuatu isu dari perspektif yang berbeza. Pengundi terdiri daripada pelbagai bangsa, budaya, agama dan peringkat umur, maka semua pihak yang berkepentingan yang terlibat dengan pilihan raya akan memainkan peranan yang sewajarnya dan mengambil kira kepentingan semua pihak khususnya belia.

Seterusnya golongan belia berumur 18 tahun telah pun diberikan beberapa hak untuk membuat keputusan penting dalam kehidupan mereka. Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 21) membenarkan belia berumur 18 tahun untuk berkahwin; bekerja; memperolehi lesen memandu kenderaan; menyertai pasukan beruniform seperti Angkatan Tentera, Bomba, Polis Di-Raja Malaysia dan sebagainya, Justeru, belia juga wajar diberikan hak untuk turut membuat keputusan dalam menentukan hala tuju negara melalui tanggungjawab terlibat dalam pemebntukan kerajaan.

(Mana-mana jawapan munasabah)

Pemahaman dan Pemikiran Kritis (Bab 3 halaman 62)

1. C Melambangkan kedaulatan Raja-raja Melayu
2. A Mentafsir perlembagaan
3. B Melaksanakan dasar-dasar negara

Soalan 1

- (a) Empat kuasa Kerajaan Persekutuan ialah hal ehwal luar neger, pertahanan, keselamatan dalam negeri dan pentadbiran keadilan

(Mana-mana fakta berkaitan)

- (b) Tiga perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri ialah undang-undang Islam, hal ehwal tanah dan kerajaan tempatan.

(Mana-mana fakta berkaitan)

- (c) Kerajaan yang paling hampir dengan rakyat ialah Kerajaan Tempatan. Hal ini kerana Kerajaan tempatan merupakan kerajaan peringkat ketiga yang diberikan kuasa mentadbir dan melaksanakan tanggungjawab dalam sesebuah kawasan tempatan penduduk. Kerajaan Tempatan merupakan perantara antara Kerajaan Negeri dengan rakyat serta berperanan memberikan perkhidmatan kepada penduduk setempat.

Fungsi Kerajaan Tempatan termasuk menyediakan perkhidmatan pembersihan, memelihara kesihatan awam, mengindahkan Kawasan, menyelenggara sistem saliran, menyelenggara jalan raya, menyediakan perkhidmatan kecemasan, menyediakan kemudahan sukan dan kebudayaan, membangunkan perumahan awam, mengeluarkan lesen dan kawalan penjaja, menyediakan pasukan bantuan dan penyelamat serta membina kemudahan awam. Tuntasnya Kerajaan Tempatan melaksanakan peranan secara lansung untuk kesejahteraan hidup rakyat.

(Mana-mana jawapan munasabah).

- (d) Sistem Persekutuan berjaya mewujudkan pentadbiran yang kukuh dan stabil di negara kita. Sistem Persekutuan berjaya mewujudkan pentadbiran yang kukuh kerana melaksanakan pembahagian kuasa. Pembahagian kuasa dalam sistem Persekutuan menggambarkan kepentingan mewujudkan pentadbiran yang sistematik bagi melicinkan tadbir urus negara.

Pembahagian kuasa pemerintahan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri mewujudkan kerjasama untuk mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang. Pembahagian kuasa merupakan pendekatan terbaik untuk menjamin kekuatan, kekuasaan dan kestabilan negara.

Pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri bertujuan melicinkan perjalanan sistem Persekutuan serta mengelakkan permasalahan antara kedua-dua peringkat kerajaan. Peruntukan kuasa lebih besar diberikan pada peringkat Persekutuan untuk mewujudkan Kerajaan Persekutuan yang kuat bagi menjamin kestabilan dan kemajuan negara.

Setiap peringkat kerajaan dalam Persekutuan seperti Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta Kerajaan Tempatan mempunyai peranan untuk membentuk pentadbiran yang berwibawa bagi kemajuan bangsa dan negara.

Kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri telah dapat memastikan segala usaha pembangunan dapat memberikan manfaat demi kesejahteraan rakyat di seluruh negara. Kerjasama ini antaranya meliputi aspek pembangunan sosioekonomi, pemeliharaan khazanah negara, perumahan dan keselamatan. Rumusannya kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam sistem Persekutuan telah dapat mewujudkan kemakmuran negara demi kesejahteraan hidup rakyat.

(Mana-mana jawapan munasabah)

Soalan 2

- (a) Negeri dan wilayah yang terlibat dalam rancangan pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) ialah Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Utara Perak.
- (b) Rancangan Pembangunan Koridor Wilayah diwujudkan di seluruh Malaysia untuk melaksanakan pembangunan berlandaskan projek pembangunan antara negeri dan wilayah.

Rancangan Pembangunan Koridor Wilayah merupakan perancangan strategik jangka panjang yang memberikan tumpuan kepada pembangunan di negeri dan wilayah yang kurang pesat atau kurang membangun. Hal ini penting untuk mewujudkan pembangunan yang seimbang antara negeri dengan wilayah seperti negeri atau wilayah utara, selatan, timur dan barat serta negeri dan wilayah di Semenanjung Malaysia dengan negeri dan wilayah di Sarawak dan Sabah.

Melalui Rancangan Pembangunan koridor Wilayah ini, pembangunan akan memfokuskan kepada sumber-sumber berpotensi di negeri dan wilayah terbabit. Rancangan pembangunan ini seterusnya dapat membuka peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Hal ini akan membawa kepada peningkatan hidup rakyat seterusnya dapat merapatkan jurang pembangunan di seluruh negara.

(Mana-mana jawapan munasabah).

- (c) Negeri-negeri di Pantai Barat Semenanjung Malaysia tidak terlibat dalam Rancangan Pembangunan Koridor Wilayah kerana negeri-negeri tersebut seperti Selangor, Perak, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor adalah lebih maju dan membangun berbanding negeri dan wilayah lain.

Pembangunan yang wujud di negeri-negeri pantai Barat adalah lebih terkehadapan berbanding negeri atau wilayah lain seperti kewujudan pusat-pusat perindustrian, kemasukan pelaburan asing, hub pendidikan serta jaringan sistem pengangkutan yang jauh lebih canggih termasuk pembinaan lebuh raya bertingkat serta rangkaian pengangkutan seperti LRT, ERL dan komuter.

Kemajuan negeri-negeri pantai Barat di Semenanjung Malaysia mempunyai hubungkait dengan sejarah perluasan pengaruh British sejak kurun ke-19. Negeri-negeri tersebut seperti Melaka, Selangor, Perak, Negeri Sembilan, Pahang dan Johor adalah lebih awal menerima pengaruh British. British meluaskan pengaruhnya

di negeri-negeri terlibat kerana kekayaan bahan mentah serta kepentingan perdagangan British. Campur tangan British tersebut telah membawa kemajuan kepada ekonomi negeri-negeri tersebut yang seterusnya menjadi pusat kegiatan ekonomi yang berkembang maju seperti kemunculan bandar-bandar baru seperti Kuala Lumpur, Seremban dan Ipoh yang muncul akibat perkembangan biji timah.

Selaian itu, negeri-negeri di pantai Barat Semenanjung Malaysia juga mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi yang dapat mempercepatkan pembangunan. Tenaga buruh yang ramai serta kemudahan asas yang mencukupi telah menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur dan seterusnya membawa pembangunan yang lebih pesat berbanding negeri dan wilayah lain di utara dan timur Semenanjung Malaysia serta di Sarawak dan Sabah.

(Mana-mana jawapan munasabah)

Pemahaman dan Pemikiran Kritis (Bab 4 halaman 86)

1. A I dan II
2. D Membantu golongan pertengahan memiliki kediaman
3. D Meningkatkan Kerjasama bagi menjamin keselamatan

Pemahaman dan Pemikiran Kritis (Bab 5 halaman 112)

Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Jawapan A
2. Jawapan B
3. Jawapan C
4. (a) Peranan penting wakil Sarawak – berunding dan meneliti syarat-syarat kemasukan Sarawak dalam Malaysia.
(b) Inti pati utama Perjanjian Malaysia - rujuk halaman 103.
(c) Kepentingan Perjanjian Malaysia – Persetujuan semua pihak yang terlibat mengenai butir-butir dalam perjanjian.

Pemahaman dan Pemikiran Kritis (Bab 6 halaman 135 dan 136)

1. Jawapan C
2. Jawapan C
3. Komunis menyerah diri dan membubarkan PKM
4. (a) Peristiwa krisis darurat Sarawak boleh dirujuk pada halaman 118
(b) Perlu jaga kestabilan politik bagi menjamin keamanan, kemakmuran dan sebagainya.

5. (a) Tugas ahli MAGERAN boleh dirujuk dihalaman 130
(b) Untuk memulihkan kemaslahatan negara.

6. (a) Fokus Rancangan Malaysia Pertama boleh dirujuk pada halaman 127-128
(b) Kesan positif ke atas Sarawak dan Sabah ialah dilibatkan dalam rancangan pembangunan dan ekonomi negara.

7. (a) Memaparkan tindakan ganas komunis yang membunuh penduduk dan merosakkan kemudahan awam.
(b) Rakyat menentang komunis kerana komunis membunuh orang awam dan merosakkan kemudahan awam. Negara berada dalam keadaan tidak selamat. Ideologi komunis adalah bertentangan dengan ideology negara.
(c) Rakyat wajib mempertahankan negara

8. (a) Tugas utama MAGERAN – mewujudkan perpaduan kaum dan menyusun ketidakseimbangan ekonomi antara kaum.
(b) Punca rusuhan kaum boleh dirujuk pada halaman 129
(c) Persefahaman kaum penting kerana demografi penduduk negara ini adalah pelbagai kaum, tidak boleh ada sikap permusuhan antara kaum.

1. A- Laporan Rahman Talib 1960.
2. C - II - Memperkasa peranan Dewan Bahasa dan Pustaka
III - Menjadi bahasa rasmi dalam jentera pentadbiran negara
3. (a) Senaraikan kejayaan yang dicapai oleh tokoh di atas sepanjang karier mereka.

M. Jegathesan:

- Pemegang rekod kebangsaan dalam acara 200 meter yang dipegangnya selama 49 tahun
- Pemenang tiga pingat emas di Sukan Asia Bangkok tahun 1966 dalam acara 100 meter, 200 meter, 4 x 100 meter.
- Atlet pertama Malaysia yang melayakkan diri ke final dalam acara 200 meter di Sukan Komanwel.
- Melayakkan diri ke separuh akhir acara 200 meter di Sukan Olimpik Mexico pada tahun 1968.

Nurul Huda Abdullah

- 7 pingat emas dalam acara 200m, 400m, 800m gaya bebas, 200m kuak lentang, 200m kuak kupu-kupu, 200m dan 400m rampaian perseorangan serta 4x100m rampaian di 3 siri Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA).
- Memecah rekod kejohanan Renang Sukan SEA dalam 6 acara.
- Memungut 2 pingat perak dalam acara 400m gaya bebas, 800m gaya bebas and 2 pingat gangsa dalam acara 200m gaya bebas dan 400m rampaian perseorangan di Sukan Asia tahun 1986.
- Mewakili Malaysia dalam tiga acara renang Olimpik yang diadakan di Seoul, Korea Selatan pada tahun 1988.
- Anugerah yang diterima:
 - 5 kali Olahragawati Negara (1985-1989)
 - Dewan Kemasyuran Majlis Olimpik Malaysia(MOM)
 - Trofi Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa - Sukan dan Belajar

Azizul Hasni Awang

- Memenangi pingat emas acara keirin dan pecut 200m di Kejohanan Trek Asia pada April 2008.
- Memenangi kejuaraan lumba basikal dunia di Melbourne Australia pada Januari 2009
- Memenangi pingat gangsa dalam acara keirin dalam Siri Piala Dunia Klasik UCI (International Cycle Union) di Manchester, England pada Februari 2011.

Muhammad Ridzuan Puzi

- Memenangi pingat emas dalam acara lompat jauh dan dua pingat perak dalam acara 100 meter dan 200 meter di Kejohanan Sukan Paralimpik Asia pada tahun 2014.
- Memenangi pingat emas dalam acara 100 meter di IPC Athletics World Championship.
- Memenangi pingat emas dalam acara 100 meter di Rio Summer Paraklympic Games pada tahun 2016.
- Memenangi pingat perak dalam acara 100 meter di World Para Athletics Championship pada tahun 2017.

- Memenangi emas dalam acara 100 meter, 200 meter dan lompat jauh di Kejohanan Sukan Paralimpik Asia pada tahun 2018.

Muhammad Ziyad Zulkeffi

- Memenangi pingat emas dalam acara lontar peluru di Sukan Paralimpik Musim Panas di Rio pada tahun 2016.
- Memenangi pingat emas dalam acara lontar peluru di Kejohanan Para Atlet Dunia London.

(b) Bagaimanakah sumbangan mereka dapat dihargai dan dikenang oleh rakyat Malaysia?

- Memberi ganjaran dan insentif kepada atlet yang mewakili negara. Pemberian ini sebagai penghargaan negara kepada atlet yang bekerja keras mencipta kejayaan dan mengharumkan nama negara.
- Mengabadikan nama atlet yang berjaya mengharumkan negara dengan menamakan nama bangunan, jalan raya atau pakaian sukan.
- Membina muzium sukan yang terdapat pelbagai informasi tentang atlet yang mewakili negara dalam bentuk pingat, gambar, keratan akhbar, filem dan sebagainya.
- Memberi bantuan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran dalam sukan yang diceburi oleh atlet berkenaan. Juga persatuan sukan menghantar mereka untuk kursus kejurulatihan di luar negara. Atlet sukan berkenaan mampu memberi sumbangan dalam meninggikan mutu sukan negara sebagai jurulatih selepas bersara dari sukan berkenaan.
- Pihak sekolah menjemput atlet ini untuk memberi motivasi kepada murid bagi mencipta kejayaan dan kecemerlangan dalam bidang akademik dan sukan.
- Mempromosi atlet sukan ini sebagai ikon kecermalangan dan perpaduan negara.

(c) Apakah ikhtibar yang diperolehi daripada pengorbanan tokoh sukan untuk kecemerlangan generasi muda hari ini.

- Generasi muda perlu didedahkan dengan pengorbanan atlet sukan tanah air. Pengorbanan sedikit sebanyak dapat memangkin semangat mereka untuk berusaha dan berjaya seperti atlet terbabit tidak kira dalam bidang sukan ataupun akademik.
- Mendidik generasi muda supaya sabar dan terus berusaha dalam kehidupan. Berkat kesabaran dan pengalaman itulah yang mengajar kita untuk berjaya demi mengubah hidup. Contohnya generasi muda boleh mencontohi Pandelega Renong.
- Beliau bukan berasal dari keluarga senang. Bapanya bekerja sebagai buruh. Tetapi pada hari ini, Pandelega boleh tersenyum bangga dengan kejayaannya. Berkat kesabaran dan pengalaman itulah yang mengajar kita untuk berjaya demi mengubah hidup.. Justeru, apa yang boleh kita pelajari daripada kejayaan Pandelega ialah kemiskinan dan kesempitan hidup bukan penghalang bagi murid untuk menjadi individu yang berjaya dan cemerlang.

- Selain itu, generasi muda juga boleh menjadikan kejayaan dan pengorbanan mereka sebagai rangsangan dan inspirasi, bukan saja sebagai ahli sukan tetapi mengambil kualiti, nilai, pengorbanan, dedikasi, fokus serta komitmen yang ditunjukkan.
- Iktibar lain ialah generasi muda menjadikan atlet sukan sebagai idola mereka untuk mencipta kejayaan dan meningkatkan imej Malaysia di peringkat dunia. Pengorbanan mereka dijadikan dorongan dan semangat oleh generasi muda berkorban untuk negara tanpa mengenal erti kekalahan.

Pemahaman dan Pemikiran Kritis (Bab 8 halaman 190)

1. B - Membasmi kemiskinan dengan menambah pendapatan rakyat
2. D - Mempelbagai hasil tanaman melalui pertanian kelompok
3. C - II - Menjalankan inovasi bagi membangunkan teknologi
III - Merupakan pusat penyelidikan dan pembangunan industri

1. Berdasarkan logo yang diberikan di dalam fail:
 - (a) Jelaskan latar belakang pertubuhan ini dengan menggunakan pelbagai sumber.

Kumpulan 1 – Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Kumpulan 2 – ASEAN

Kumpulan 3 – Gerakan Negara-Negara Tanpa Pihak (Berkecuali) atau NAM

Kumpulan 4 – OIC

- (b) Bincangkan sumbangan Malaysia dalam pertubuhan tersebut.

Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu

Menyokong piagam PBB dan memberi bantuan dalam pelbagai bentuk termasuk kepakaran

Terlibat secara aktif dalam agenda PBB

Menghantar tentera pengaman PBB

ASEAN

- i. Menjadi antara Negara yang mengasaskan penubuhan ASEAN
- ii. Bantuan kepakaran dalam pelbagai bentuk
- iii. Menjadi tuan rumah aktiviti-aktiviti ASEAN seperti Sukan SEA dan sebagainya

NAM

- i. Menyuarakan pandangan Malaysia secara aktif dalam Pertemuan NAM
- ii. Menjadi tuan rumah persidangan NAM
- iii. Memberi bantuan kepakaran dalam pelbagai bidang

OIC

- i. Menjadi Setiausaha Agung OIC yang pertama
- ii. Terlibat dalam pelbagai aktiviti OIC
- iii. Menyuarakan pelbagai pandangan untuk kepentingan Negara-negara anggota

Aktiviti 2

Stesen 1 Misi Pengaman di Congo Stesen

2 Misi Pengaman di Bosnia Stesen

3 Misi Pengaman di Somalia

1. Perbincangan tentang Misi Pengaman pada setiap stesen:
 - (a) Cari maklumat tentang Misi Pengaman yang diberikan dari aspek tarikh penyertaan, bilangan anggota keselamatan yang terlibat dan pemimpin/ ketua pasukan.

Congo

United Nations Operation in the Congo (UNOC) dari tahun 1960 hingga tahun 1964. Batalion ke-4 RAMD di bawah perintah Lt. Kol. Ungku Nazaruddin serta Skuadron C2 Rejimen Peninjau di bawah Maj. Zain Mahmud Hashim

Bosnia

United Nations Protection Force (UNPROFOR) di Bosnia dari tahun 1992 hingga tahun 1995. Kumpulan yang dikenali sebagai MALBATT ini dianggotai oleh 23 RAMD dan 3 KAD dan lain-lain pasukan

Somalia

United Nations Operation in Somalia II (UNOSOM II) dari tahun 1992 hingga tahun 1995. 19 RAMD dengan anggota sejumlah 870 anggota
Tugas yang dilakukan.

Congo

Memastikan keamanan di Congo yang sedang bergolak

Bosnia

Memastikan keamanan di Bosnia yang sedang bergolak
Cabaran yang dihadapi.

Congo

Serangan daripada pihak yang berbalah

Bosnia

Menghadapi kemungkinan serangan daripada pihak yang berbalah

Somalia

Menghadapi serangan daripada pihak yang berbalah
Kejayaan yang dicapai.

Congo

2 anggota tentera telah dikurniakan pingat Panglima Gagah Berani semasa bertugas di Congo iaitu Kapten Maurice C.S. Lam dan Lt Muda N. H. Siebel

Bosnia

Menerima pujian daripada PBB

Somalia

Berjaya menyelamatkan 75 Renjer tentera Amerika Syarikat yang terperangkap di Pasar Bakara.

2. Pembentangan di hadapan kelas. Kumpulan atau wakil kumpulan membentangkan hasil perbincangan dan membuat rumusan tentang Misi Pengaman yang dibincangkan di hadapan kelas.
Misi pengaman sangat penting bagi menonjolkan kemampuan Malaysia dalam menyokong agenda PBB.

Pemahaman dan Pemikiran Kritis (Bab 9 Halaman 221 dan 222)

- 1 D. Probarat dan antikomunis
- 2 B. Rancangan Colombo
- 3 D. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj
- 4 Faktor yang mempengaruhi pembentukan dasar luar Malaysia:
 - i. Ikatan sejarah
 - ii. keperluan nasional
 - iii. kepimpinan
 - iv. persekitaran luar
- 5 Bincangkan kejayaan Malaysia dalam misi pengaman melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Malaysia telah memberikan sumbangan yang amat besar kepada negara serta dunia dalam menjayakan misi pengaman anjuran PBB di negara yang berkonflik. Kewibawaan, disiplin serta kemampuan pasukan tentera Malaysia dalam menggalas tugas misi pengaman adalah satu perkara yang amat membanggakan hingga mendapat pengiktirafan PBB. Pasukan peganaman berjaya membantu memastikan soal keselamatan penduduk, mengawasi gencata senjata dalam perang saudara dan mendaulatkan undang-undang negara yang terlibat.

- 6 Mengapakah Malaysia perlu mengukuhkan dasar luar yang diamalkan sejak dahulu hingga kini?

Pengukuhan dasar luar Malaysia amat penting kepada Malaysia kerana dasar ini mempengaruhi tindakan negara dalam menghadapi suasana perkembangan politik wilayah, serantau dan antarabangsa. Hubungan dasar luar yang kukuh mencerminkan kemajuan serta kegemilangan Malaysia di persada dunia.

- 7 (a) Apakah sumbangan Tun Abdul Razak Hussein terhadap perkembangan dasar luar Malaysia?

Malaysia mula mengamalkan dasar yang lebih terbuka dengan tidak berpihak dan menjalankan hubungan dengan semua Negara tanpa mengira ideology kecuali Israel

- (b) Pada pandangan anda, mengapakah Tun Abdul Razak Hussein berhasrat untuk menjalinkan hubungan persahabatan dengan semua negara tanpa mengira ideologi politik?

Suasana politik antarabangsa yang telah berubah menyebabkan dasar ini diambil dan ia membantu perkembangan ekonomi Malaysia

- 8 (i) Konsep Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) merupakan satu konsep atau dasar berkecuali yang diperkenalkan di Asia Tenggara dalam usaha negara-negara di rantau tersebut bebas dan tidak terlibat dengan pertelingkahan politik kuasa-kuasa besar khususnya Amerika Syarikat, Russia dan China. Ia sekaligus membantu keselamatan di rantau itu terus terjamin daripada terlibat dengan konflik kuasa-kuasa besar serta memastikan tiada pangakalan tentera asing di perairan Asia Tenggara.

- (ii) Jika difahami, ZOPFAN amat penting kepada negara anggota ASEAN kerana ia menjadi satu platform penting yang mampu menjamin keamanan dan kestabilan politik di rantau Asia Tenggara. Tambahan juga, menerusi ZOPFAN, sebarang pertikaian dapat diselesaikan secara rundingan.
- 9 (a) Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) merupakan sebuah syarikat minyak dan gas multinasional Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1974 dan dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan Malaysia. Tengku Razaleigh Hamzah dilantik menjadi Pengerusi dan Ketua Eksekutif Petronas pada 6 September 1974 dengan dilantik oleh Tun Abdul Razak yang merupakan Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu. Ia ditubuhkan berikutan daripada krisis tahun 1973 apabila negara-negara Arab yang menjadi ahli OPEC menimbulkan masalah kepada imbalan penawaran atau permintaan minyak sehingga harga minyak naik empat kali ganda dari sebelumnya terhadap Malaysia.
- (b) Bagi pendapat saya, PETRONAS bukan hanya berperanan penting dalam mengawal dan mengendalikan sumber petroleum negara, ia juga memberikan impak yang besar kepada pembangunan negara kerana ia membantu mempertingkatkan ekonomi negara serta mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai syarikat petroleum sendiri. PETRONAS menjadi penyumbang terbesar kepada pendapatan negara pada setiap tahun.
- 10 Perkara yang penting perlu dilakukan oleh rakyat bagi membantu pembangunan negara adalah dengan memberikan sokongan kepada produk-produk Malaysia serta membantu dari segi sektor pekerjaan di mana kerja mahir amat diperlukan kini tanpa mengira ianya sektor kerajaan mahupun sektor swasta. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu elakkan daripada terus bergantung dengan orang luar dan menumpukan kemahiran serta tanggungjawab kita terhadap pembangunan negara.

11 (a) Latar belakang

Datuk Maimunah Mohd Sharif

- * Memulakan kerjaya sebagai Perancang Bandar di Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), pada 1985
- * Menyandang jawatan sebagai Pengarah Perancang Bandar di MPPP, pada 2003
- * Dilantik sebagai Pengurus Besar Perbadanan Warisan Dunia Georgetown (GTWHI), pada 2009
- * Dilantik sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), pada Mac 2011
- * Dilantik sebagai Datuk Bandar MBPP, pada Julai 2017
- * Dilantik sebagai Pengarah Eksekutif UN-Habitat bermula Januari 2018.

Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood

- mengetui delegasi MERCY Malaysia untuk memberi bantuan kemanusiaan bukan hanya dalam bentuk bantuan makanan, pakaian tetapi juga khidmat perubatan, malahan mendirikan klinik dan sekolah.
- Tan Sri Dr Jemilah dan delegasi MERCY Malaysia antara yang paling banyak menyumbang dan menabur bakti di wilayah Aceh Darulsalam yang teruk dilanda bencana alam Tsunami, dengan mendirikan pusat Kesihatan, Pusat Perlindungan Awam dan memperbaiki banyak prasarana yang musnah.
- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pernah melantik beliau sebagai Chief Humanitarian Response Branch, United Nations Population Fund.

(b) Sumbangan

Datuk Maimunah Mohd Sharif

Merupakan wanita pertama di Asia yang menjawat jawatan Pengarah Eksekutif UN-Habitat. UN – Habitat dianggap sebagai agensi palingaktif di dunia yang memberikan tumpuan kepada kehidupan bandar yang mapan ketika populasi dunia berkembang dengan pesatnya.

Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood

Kegigihan beliau dalam membantu mangsa peperangan, bencana alam dan kebuluran telah memberi impak yang besar kepada negara. Misi beliau di Kosovo, Iran, Iraq, Palestin, Sudan, Afghanistan, Pakistan, Myanmar, Sri Lanka dan Indonesia telah memberi inspirasi kepada masyarakat untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukarelawan dalam skala besar melalui persatuan bantuan perubatan yang ditubuhkannya, MERCY Malaysia (MERCY berasal daripada kata gembeng Medical Relief Society).

- c) Bagi pendapat saya, peranan dalam memastikan negara mencapai kemajuan bukan hanya terletak pada kaum lelaki sahaja malah kaum wanita juga mampu memberikan impak yang sama. Sumbangan seseorang kepada negara bukan terletak pada jantinya tetapi pada kemahiran, berusaha, sifat cintakan negara dan kewibawaan. Setiap jantina mempunyai keistimewaan yang tersendiri dalam membantu negara mencapai kemajuan.

Aktiviti 1

- (a) Apakah maksud “Sayangi Sawitku”?
Menyemai rasa bangga rakyat terhadap industri sawit negara dan meningkatkan kesedaran mendidik rakyat mengenai kebaikan dan khasiat minyak sawit.
- (b) Mengapakah negara maju melancarkan kempen antiminyak sawit?
Menjadi ancaman kepada pengeluaran minyak kacang soya dan minyak sayuran serta penanaman pokok kelapa sawit dituduh menyebabkan kemusnahan hutan, fauna dan flora
- (c) Apakah kesan kempen ini kepada Malaysia?
Negara-negara luar enggan membeli minyak sawit dari Malaysia dan memboikot segala barangan yang mempunyai minyak sawit
- (d) Cadangkan langkah untuk memajukan ekonomi negara kita.
 - i. Memastikan iklim pelaburan yang sihat bagi menarik pelabur-pelabur asing
 - ii. Memastikan politik negara stabil dan tidak bergolak
 - iii. Bersedia dengan sumber tenaga manusia yang mencukupi sama ada sumber tenaga mahir, separa mahir atau perburuhan.
 - iv. Peraturan mengenai kemasukan pelaburan dipermudahkan

Aktiviti 2

Secara berkumpulan, lakukan aktiviti yang berikut:

1. Ceritakan perkara yang anda lihat daripada gambar di atas atau laman web yang dilayari.

Fauna dan flora yang terdapat di negara kita sama ada di darat mahupun di laut perairan negara serta alam semulajadi yang menarik.

2. Berdasarkan pengetahuan anda dan laman web yang dilayari, mengapakah kehidupan di dalam sesebuah masyarakat tidak boleh dipisahkan dengan alam semula jadi, budaya dan sejarah sosialnya?

Manusia sememangnya tidak dapat lari daripada berinteraksi dengan alam semulajadi yang berada di sekeliling kehidupannya. Kehidupan harian memerlukan air sama ada daripada semulajadi seperti hujan mahupun daripada air yang telah diproses. Manusia mendapatkan makanan daripada aktiviti pertanian yang dilakukan di kawasan tanah yang subur. Budaya masyarakat dan sejarah sosial dipengaruhi oleh persekitarannya. Bagi yang hidup di pesisir pantai dan sungai, pekerjaan mereka dipengaruhi oleh alam sekitar termasuk menjadi nelayan. Bagi yang hidup di kawasan bandar, aktiviti mereka berkaitan dengan persekitaran bandar dan seterusnya.

3. Geopark merujuk sebuah kawasan yang terdapat tapak warisan geologi yang boleh digunakan oleh semua pihak bagi tujuan pemeliharaan, pendidikan dan pembangunan secara lestari atau mapan. Berdasarkan takrifan ini, bincangkan kepentingan pengisytiharan Langkawi sebagai UNESCO geopark pertama di Asia Tenggara.
 - i. Menjadikan kawasan ini kekal tidak boleh dieksplotasi untuk kepentingan komersil
 - ii. Sebagai tarikan pelancongan
 - iii. Meletakkan nama negara setara dengan negara lain dalam usaha memulihara alam sekitar

Pemahaman dan Pemikiran Kritis (Bab 10 Halaman 249 dan 250)

1. Mengapakah Malaysia menjadi lokasi transit bagi pemerdagangan orang ke negara lain?
 - A. Kedudukan strategik
 - B. Kemasukan ramai pelancong
 - C. Kelonggaran syarat imigresen
 - D. Ketiadaan undang-undang jenayah
2. Apakah agensi PBB yang mengiktiraf kejayaan Malaysia dalam menangani penularan wabak AIDS di Asia?
 - A. ILO
 - B. WHO
 - C. UNCHR
 - D. UNESCO
3. Bincangkan sumbangan Malaysia dalam usaha membantu pelarian:
 - (i) Palestin
 - a. Sokongan material (kewangan, bantuan makanan)
 - b. Sokongan kewujudan negara Palestin yang merdeka
 - c. Mengecam tindakan Israel dan tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan negara tersebut
 - (ii) Syria
 - a. menerima pelarian Syria
 - b. Memberi bantuan makanan dan keperluan asas
 - c. Memberi bantuan kesihatan dan infrastruktur
4. Nyatakan punca utama berlakunya jerebu di Malaysia.
5. Jelaskan kepentingan Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara. Membolehkan Malaysia bebas daripada senjata nuklear dan sumber nuklear hanya boleh digunakan untuk kepentingan yang terhad seperti kesihatan dan seumpamanya. Negara-negara luar juga tidak bebas untuk menggunakan Malaysia sebagai laluan untuk membawa senjata nuklear melalui kawasan perairan negara
6. Pelibatan Malaysia dalam Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN memberikan manfaat kepada negara kita. Bincangkan.
 - a. Membolehkan barangan Malaysia menerima potongan cukai untuk didagangkan di negara ASEAN
 - b. Membolehkan pelaburan negara-negara ASEAN lebih mudah melabur ke Malaysia
 - c. Menyediakan pelbagai insentif untuk kemakmuran bersama
7. Maklumat yang berikut merupakan visi Agensi Antidadah Kebangsaan.
 - (a) Apakah yang anda faham tentang visi ini.
Setiap warga Malaysia bebas daripada penagihan dadah
 - (b) Pada pendapat anda, apakah langkah yang perlu diambil bagi mencegah penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat?

- i. Hukuman mati wajar diteruskan bagi kesalahan dadah
 - ii. Kesedaran mengenai bahaya dadah perlu diperkuatkan dan disebar luaskan sejak di peringkat sekolah rendah
 - iii. Kawalan sempadan yang perlu lebih ketat bagi menghalang kemasukan dadah
8. Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) merupakan penyakit berjangkit yang melanda dunia.
- (a) Apakah maksud AIDS.
Penyakit yang disebabkan oleh virus yang menyerang sistem ketahanan badan hingga menyebabkan pesakit mudah menerima jangkitan kuman dan kanser.
 - (b) Nyatakan kesan penyakit ini kepada masyarakat dan negara.
 - i. Kesan ekonomi apabila kerajaan terpaksa membelanjakan sejumlah perbelanjaan untuk menyediakan kemudahan kesihatan kepada pesakit.
 - ii. Kesan sosial apabila wujud perasaan enggan bergaul dengan kalangan yang mempunyai penyakit ini.
 - iii. Kematian pesakit ini kerana penyakit ini masih tidak mempunyai ubatnya
 - (c) Bincangkan langkah yang perlu diambil bagi mengatasi penyakit ini daripada merebak.
 - i. Kesedaran semua pihak mengenai bahaya penyakit ini serta kaedah-kaedah penjagaan dan rawatan yang perlu.
 - ii. memastikan komitmen tinggi kalangan yang telah menerima penyakit ini agar memastikan ia tidak tersebar
 - iii. kawalan dan pemantauan pihak berkaitan seperti kesihatan dan keselamatan dalam memastikan mereka yang disahkan sebagai pesakit mematuhi segala peraturan yang ditetapkan.
9. Jawab soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah.
- (a) Apakah yang anda faham tentang gambar ini?
Penjagaan alam sekitar merupakan satu tindakan yang perlu dilakukan oleh setiap warga Malaysia
 - (b) Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu menjaga dan mengekalkan keaslian alam sekitar?
 - i. Memastikan alam sekitar bersih dan tidak tercemar kerana ia boleh mengganggu ekosistem yang penting kepada manusia.
 - ii. Bagi membolehkan kehidupan flora dan fauna tidak terjejas
 - iii. Sebagai warisan kepada generasi yang akan datang yang turut menerima alam sekitar yang bersih dan tidak tercemar
10. Petikan yang berikut tentang isu Palestin oleh Pertubuhan Kebudayaan Palestin Malaysia (PCOM).
- (a) Apakah yang anda faham tentang gambar ini?
 - (b) Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu menjaga dan mengekalkan keaslian alam sekitar?

- (a) Apakah yang anda faham tentang petikan di atas?
Malaysia menentang kekejaman Israel dan sentiasa menyokong Palestin atas nama kemanusiaan.
- (b) Pemimpin Malaysia tanpa mengira kaum menentang penindasan rakyat Palestin oleh Israel. Sebagai rakyat Malaysia, cadangkan langkah yang perlu dilakukan untuk membantu kerajaan menangani isu Palestin.
- i. Isu Palestin bukan isu agama semata-mata sebaliknya lebih kepada isu kemanusiaan. Kesedaran ini perlu diperjelaskan kepada seluruh rakyat Malaysia
 - ii. mengadakan kempen secara berterusan mengenai isu palestine yang perlu dilihat daripada kaca mata yang sebenar
 - iii. memberi bantuan secara berterusan kepada Palestin
- (c) Berdasarkan pengetahuan anda, sejauh manakah pelibatan Malaysia dalam menangani isu kemanusiaan?
Pelibatan Malaysia telah dilaksanakan secara berterusan sejak Malaysia mencapai kemerdekaan. Bukan sahaja kerajaan terlibat, malah badan bukan kerajaan serta individu turut terlibat dalam isu ini.

